

30/06/1997

Jambatan: Melaka syor dua lokasi

Norazmi Abdul Talib

MASJID TANAH, Ahad - Kerajaan negeri akan mencadangkan kepada Kerajaan Persekutuan dua lokasi di Melaka, untuk dipilih sebagai tempat membina jambatan merentangi Selat Melaka yang menghubungkan Semenanjung dan Sumatera.

Lokasi itu ialah Kuala Linggi yang jauhnya kira-kira 30 kilometer dan Merlimau sejauh kira-kira 48 kilometer dari Sumatera.

Ketua Menteri, Datuk Abu Zahar Isnin, berkata kertas cadangan kedua-dua lokasi itu sedang disediakan oleh sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Abdul Rahman Jamal.

Katanya, jawatankuasa itu yang telah bermesyuarat baru-baru ini, turut dianggotai Unit Perancang Ekonomi Negeri, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Laut serta Jabatan Kerja Raya.

"Jabatan Laut membantu kerajaan negeri mengenal pasti kedalaman air serta tapak yang sesuai bagi cadangan pembinaan jambatan ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno bahagian Alor Gajah di Dewan Japerun di sini, hari ini.

Semalam, Pengerusi Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali berkata, agensi itu juga mempunyai perancang menyambung talian saluran bekalan elektrik di antara Semenanjung dan Sumatera melalui cadangan projek pembinaan jambatan merentangi Selat Melaka yang menghubungi Malaysia dan Indonesia.

Ini berikutan, pada 15 Jun lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Malaysia dan Indonesia merancang membina sebuah jambatan yang merentangi Selat Melaka bagi menghubungkan Semenanjung dan Sumatera.

Perkara itu dinyatakan oleh Perdana Menteri kepada wartawan, selepas mengadakan pertemuan dengan Presiden Suharto di Istanbul, sempena menghadiri sidang puncak pertama lapan negara membangun (D8).

Idea awal pembinaan jambatan itu juga dipersetujui dalam pertemuan kedua-dua pemimpin di Kuala Lumpur pada Oktober lalu, bagi meningkatkan kerjasama ekonomi dan komunikasi pengangkutan darat kedua-dua negara.

Menurut Abu Zahar, Merlimau dan Kuala Linggi dicadangkan sebagai lokasi jambatan kerana berhampiran dengan Sumatera.

(END)